

Mahasiswi SMU rebut peluang perkasa Orang Laut



SELAMINA SUSAH SENANG ORANG LAUT: Cik Zahirah Lyana Mohd Khir (tengah) inginkan pengalaman membina, lantas memilih tempoh bekerja sambil belajar di Yayasan Peduli Kepulauan Riau, atau The Island Foundation (TIF), yang membolehkannya berinteraksi dengan masyarakat Orang Laut, khususnya kanak-kanak yang memerlukan bimbingan bahasa Inggeris. – Foto ihsan ZAHIRAH LYANA MOHD KHIR

SEBAGAI anak muda yang mendahagakan pengalaman lain daripada lain, Cik Zahirah Lyana Mohd Khir memilih pengalaman bekerja sambil belajar di Yayasan Peduli Kepulauan Riau tahun lalu.

Yayasan yang juga dikenali sebagai The Island Foundation (TIF) itu ialah badan kebajikan antarabangsa yang berpangkalan di Singapura dan didaftarkan di bawah Akta Kebajikan pada Oktober 2010. Cawangan Indonesia pula didaftarkan setahun selepas itu.

Misi utama TIF adalah membantu menambah hasil pendapatan, serta memperbaiki tahap kesihatan dan pendidikan masyarakat Orang Laut dan penduduk pesisiran Kepulauan Riau.

Selepas 10 minggu bersama TIF, Cik Zahirah, 23 tahun, mahasiswi jurusan sains sosial Universiti Pengurusan Singapura (SMU), melanjutkan tempoh pekerjaannya selama empat bulan lagi kerana terlampaui seronok menimba pengalaman baru.

Sebagaimana yang dikongsi bersama *Gah!*:

“Walaupun program bekerja sambil belajar hanyalah bagi sementara waktu, saya tidak mahu membuang masa dengan duduk di pejabat sahaja.

“Saya pun bukan jenis belia yang suka terperuk dalam pejabat dan buat kerja rutin. Saya suka mengembara.

“Apa yang membuat saya tertarik dengan tugas di TIF ialah peluang tinggal dalam suasana kampung tanpa rangkaian Internet. Saya juga diberitahu, kalau nak pergi ke mana-mana, perlu naik motosikal. Lantaran itu, ia bukan suatu kebiasaan yang belia kota canggih seperti saya alami! Nak cubalah kalau macam ni.”

Pada hari ketiga bekerja, beliau menjejakkan kaki di Bintan serta diberi taklimat tentang pelbagai projek kendalian TIF.

Antaranya ialah program pembangunan desa yang memperkasa ekonomi dan kemahiran masyarakat Orang Laut; program Kura-Kura yang membantu Orang Laut mencipta

kraf tangan artisan (pekerja terlatih); dan Akademi Bola Sepak Bintan yang melengkapi anak-anak desa dengan kemahiran bersukan dan kecerdasan.

Sepanjang tempoh bekerja di TIF, Cik Zahirah juga ditugaskan mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak di enam desa, di samping merasakan perbezaan menetap dalam rumah kampung yang usang namun masih terjaga.

“Saya seronok mendekati kanak-kanak yang comel dan ramah walaupun saya orang yang tidak dikenali.

“Pada masa yang sama, saya belajar erti disiplin kerana saya perlu berulang-alik dari Singapura ke Bintan bagi memastikan projek TIF berjalan lancar.

“Saya juga belajar erti komunikasi berbekalkan bimbingan mentor saya, Cik Warda Yusoff, yang ketika itu bertugas di TIF,” ceritanya.

Beberapa projek sukarelawan turut dikendalikan bersama sekolah antarabangsa, United World College (UWC); sekolah setempat, St Joseph’s Institution (SJI); dan syarikat Google Asia.

Anak sulung dalam keluarga tiga beradik itu juga teruja mempelajari sistem pendidikan di Indonesia setelah terlibat dalam bengkel guru dan ibu bapa anjuran TIF.

Pengetahuannya tentang bahan organik juga bertambah melalui projek kesihatan taman organik yang sedang dibangunkan yayasan itu.

“Pendek kata, TIF bagi gedung ilmu buat saya. Saya sempat meluangkan hujung minggu saya dalam Ramadan untuk merasai suasana berpuasa di Bintan.

“Saya berpegang teguh pada pepatah ‘kehidupan bermula di penghujung zon selesa’. Walaupun pada awalnya saya takut-takut dengan mutu kebersihan dan makanan di Bintan, saya dapat mengatasi rasa gentar lalu menyesuaikan diri. Ia pengalaman bekerja paling menyeronokkan buat saya,” tambah Cik Zahirah, yang akan pergi ke universiti sains gunaan di Graz, Austria, FH Joanneum, bagi menjalani program pertukaran selama lima setengah bulan.